

*Artikel Penyelidikan*

# Menjejak Sejarah Jabatan Arkib Universiti (JAU) Teknologi MARA (UiTM).

Nurasyirah Abdul Ghani<sup>1</sup>, Nurul Sarah Izzeti Mohd Salleh<sup>2</sup> dan Jafalizan Md Jali<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2022752979@student.uitm.edu.my](mailto:2022752979@student.uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2022946839@student.uitm.edu.my](mailto:2022946839@student.uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my);  0009-0009-7236-9863

\* Correspondence: [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my); +0192055563.

**Abstrak:** Bangunan memainkan peranan penting dan memberikan nilai tambah kepada kehidupan sama ada dari aspek sosial, ekonomi serta persekitaran dalam pelbagai sektor. Lantaran itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengetengahkan kepentingan bangunan dari perspektif sejarah sebagai suatu warisan yang perlu dilestarikan. Kajian ini juga berpotensi dalam memberi gambaran terhadap kepentingan pemuliharaan dan pengukuhan terhadap sesuatu bangunan sebagai salah satu aspek yang melambangkan identiti dan sejarah warisan sesuatu komuniti atau organisasi. Kajian ini memfokuskan terhadap sejarah salah satu jabatan yang telah lama ditubuhkan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) iaitu menjurus kepada Jabatan Arkib Universiti (JAU) yang terletak di UiTM Shah Alam. Kajian ini merungkai dan memberikan pendedahan terhadap Arkib Universiti menerusi beberapa persoalan yang dikemukakan dari aspek penubuhan, isu dan cabaran, serta keterlibatan dokumen-dokumen penting. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah Sejarah Lisan dengan menemu ramah bersama dua tokoh yang terlibat dalam penubuhan Arkib Universiti bagi mengumpulkan maklumat-maklumat dari sumber yang utama atau primer.

*Kata kunci:* Pembangunan, Warisan, Jabatan Arkib Universiti, UiTM Shah Alam

DOI: 10.5281/zenodo.13925684

---



**Copyright:** © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Menelusuri era globalisasi yang semakin pesat dengan pembangunan dan kemodenan, konservasi terhadap bangunan-bangunan yang telah lama bertapak semakin terbiar dan terpinggirkan. Malaysia yang diiktiraf dunia sebagai sebuah negara yang membangun (Othman, 2023), tidak berhenti untuk terus kekal berdaya saing dan mencapai status negara maju. Namun untuk merealisasikan bukanlah perkara yang mudah dan perlu dilaksanakan dengan cara yang tepat agar tidak mengancam keunikan warisan dan budaya. Adalah menjadi tanggungjawab bagi semua pihak untuk menjaga, memelihara, mengekalkan dan menyebarkan warisan dan budaya yang ada termasuklah penjagaan terhadap bangunan-bangunan bersejarah. Merujuk kepada Jabatan Warisan Negara (2012), pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan dan tapak warisan di Malaysia adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Warisan Negara (JWN). Merujuk kepada Bakri dan Mohamed (2008), budaya

sesebuah masyarakat mempengaruhi cara penggunaan, pembinaan dan penguasaan mereka terhadap teknologi bagi memenuhi keperluan serta keinginan mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa peredaran zaman telah lama berlaku dan membawa banyak perubahan terhadap cara hidup masyarakat yang kini berada di era digital. Banyak bangunan telah dibina yang mencerminkan evolusi masyarakat dan turut menjadi pencakar langit. Seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat, banyak perkara yang perlu dipertimbangkan dan cabaran yang bakal ditempuhi demi mengekalkan keaslian dan meneruskan warisan dan budaya agar dapat disampaikan dan diteruskan oleh generasi yang akan datang. Sehubungan dengan itu, pihak yang bertanggungjawab dan setiap rakyat perlu cakna dan memainkan peranan penting untuk menjaga bangunan warisan yang terdapat supaya tidak lenyap ditelan zaman dan mampu menyerahkan keunikan negara di mata dunia.

Sebelum menyelam dan mengupas lebih dalam, adalah penting untuk memahami yang dimaksudkan dengan “bangunan”, “warisan” dan “budaya” terlebih dahulu. Bak kata pepatah, “tak kenal maka tak cinta” dan “ilmu pelita hidup”. Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), bangunan merujuk kepada sesuatu yang dibangunkan seperti gedung, rumah, kedai dan lain-lain. Manakala, warisan dipetik daripada kata akar “waris” yang berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi, dan peninggalan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Komunikasi Malaysia mendefinisikan warisan adalah berkaitan sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Manakala, merujuk Edward B Taylor (1958), kebudayaan atau budaya ialah satu keseluruhan yang kompleks yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni lukis, moral dan akhlak, undang-undang, adat resam dan lain-lain. Menurut Fielden (1994), bangunan yang telah bertahan dan berusia lebih 100 tahun penggunaannya adalah layak untuk diiktiraf sebagai monumen atau bangunan bersejarah. Bangunan yang mempunyai nilai seperti seni bina, estetik, sejarah, dokumentari, arkeologi, ekonomi, sosial, politik, rohani dan simbolik merupakan ciri-ciri sesebuah bangunan warisan (Hanapi & Tugang, 2021). Menerusi definisi-definisi tersebut, adalah dapat difahamkan bahawa bangunan warisan merupakan bangunan lama yang dibina dan mempunyai nilai sejarah kepada negara atau komuniti. Penjagaan terhadap bangunan warisan dapat memastikan keunikan, identiti dan juga sebagai bukti sesuatu peristiwa penting yang telah berlaku dan boleh dirujuk pada masa akan datang serta memainkan peranan penting dalam penceritaan sejarah dan membawa banyak kebaikan terhadap komuniti.

Dalam konteks pendidikan, setiap bangunan yang dibina mempunyai fungsi dan memainkan peranan penting dalam membantu kelangsungan pengoperasian universiti. Sektor ini penting untuk diketengahkan dan dipantau dari masa ke semasa kerana sistem pendidikan yang berkualiti mampu menjadi pencetus kepada pembangunan sesebuah negara yang mampan dengan melahirkan individu yang berkualiti, kompetitif, dan berpendidikan. Ditubuhkan pada tahun 1956, Dewan Latihan RIDA merupakan salah sebuah institusi tinggi awam yang telah lama didirikan di Malaysia. Pada tahun 1965, Dewan Latihan RIDA telah ditukarkan nama kepada Maktab MARA. Kemudian, nama tersebut ditukar secara rasmi kepada Institut Teknologi MARA (1967) sebagai asas pembinaan kampus dan kini lebih dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM) bermula tahun 1999. Penubuhannya yang utuh sehingga ke hari ini menjadi satu mercu tanda bahawa pelbagai kejayaan dan sejarah telah banyak tercipta. Oleh hal demikian, pencatatan terhadap peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah menjadi suatu keperluan terhadap pihak organisasi bagi mengekalkan dan memelihara kewujudan organisasi bermula daripada awal penubuhan sehingga kini. Lantaran itu, wujudnya Jabatan Arkib Universiti (JAU) yang memberi khidmat kepada organisasi bermula 2 Januari 1982 dan bertanggungjawab dalam

melakukan pemuliharaan dan pemeliharaan bahan-bahan arkib yang bernilai serta mempunyai kepentingan terhadap institusi universiti. Bahan-bahan tersebut akan dikumpul, disimpan, disusun serta dipelihara untuk jangka masa yang lama dan di tempatkan di sebuah bangunan yang khas. Justeru, bangunan tersebut perlulah dijaga dengan baik agar dapat dikekalkan sebagai salah satu bangunan warisan terhadap warga UiTM. Secara umumnya, pemuliharaan bangunan warisan perlulah dirancang dengan baik agar dapat membantu kelangsungan operasi berjalan dengan lancar. Seperti ungkapan yang disampaikan oleh Benjamin Franklin, *"By failing to prepare, you are preparing to fail"*. Dalam meniti arus kemodenan ini, warisan dan budaya yang terdapat perlulah diberikan perhatian, dikukuhkan, dan ditanamkan pada jiwa rakyat terutama golongan generasi muda agar tidak mudah terpengaruh dengan budaya-budaya luar sehingga mengaburi mata hati generasi muda untuk mengenali warisan dan budaya yang terdapat di negara sendiri.

Kajian ini adalah berkaitan sejarah bangunan Jabatan Arkib Universiti yang kini berada di bawah pengurusan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA. Tujuan kajian dapat dilihat menerusi sejarah penubuhan Jabatan Arkib Universiti itu sendiri, isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang pengurusan, dan pengumpulan dokumen-dokumen bangunan yang terlibat. Bahan-bahan akib memerlukan penempatan yang khas di bangunan yang mempunyai ciri-ciri baik agar dapat membantu keterlangsungan dan menjaga keselamatan bahan-bahan yang bernilai kepada organisasi. Selain itu, bahan-bahan tersebut juga merupakan bahan yang sahih untuk dijadikan sebagai sumber rujukan mahupun sebagai bukti terhadap sesuatu perkara yang telah berlaku. Amatlah penting untuk sesebuah Institusi Arkib mempunyai pengurusan yang sistematik agar dapat membantu operasi sesebuah organisasi berjalan dengan lebih lancar, efektif dan efisien.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Masrom & Kadir (2020), bangunan warisan merupakan aset yang bernilai kepada negara kerana ia merupakan peninggalan dari zaman dahulu yang mempunyai sejarah tersendiri. Oleh yang demikian, pendokumentasian terhadap Arkib Universiti ini serba sedikit dapat memberi cadangan dan penambahbaikan terhadap permasalahan-permasalahan yang dinyatakan dan mampu mempertahankan serta mengekalkan kewujudan warisan tersebut lalu disampaikan kepada generasi-generasi yang akan datang.

Permasalahan pertama dapat dilihat menerusi kurangnya maklumat berkaitan penubuhan Arkib Universiti UiTM. Secara umumnya, maklumat merupakan elemen utama yang diperlukan dalam proses penyelesaian masalah dan proses membuat keputusan. Menurut Robiah & Nor Sakinah (2007), menitikberatkan para pelajar dan tenaga pengajar agar dapat menguasai teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran kesan daripada era globalisasi dan ledakan teknologi ICT. Maklumat yang lengkap dan tepat secara langsung membantu kepada kesan yang baik dan positif serta keberkesanan dan produktiviti harian turut dapat ditingkatkan. Dalam konteks Arkib Universiti, kurangnya maklumat berkaitan penubuhan arkib akan menyebabkan sejarah penubuhan serta identiti universiti terancam. Perkara ini menunjukkan bahawa ketersediaan maklumat yang lengkap amatlah penting untuk diutamakan terutamanya bagi memenuhi keperluan warga Universiti sendiri. Wujudnya kajian ini memberi pendedahan kepada warga Universiti dan masyarakat terhadap sejarah penubuhan disertakan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagai bahan rujukan kewujudan Arkib Universiti yang kurang malah hampir tiada di mana-mana *platform* media sosial mahupun secara dokumentasi dari segi fizikal. Disebabkan permasalahan berikut, pengkaji mengambil inisiatif dalam menjalankan sejarah lisan bersama tokoh-tokoh yang dipilih secara menemu bual dan

menterjemahkannya di dalam bentuk digital. Selain mudah diakses, peranan dan nilai yang disumbangkan oleh Arkib Universiti kini tidak asing lagi di mata masyarakat, institusi, malah negara.

Permasalahan kedua dapat dilihat menerusi kesedaran terhadap kepentingan bangunan sebagai suatu warisan. Bangunan yang didirikan bukan hanya sekadar tempat fizikal bagi menjalankan aktiviti harian institusi namun penubuhan bangunan ini sendiri memainkan peranan selaras dengan fungsi serta mampu mewakili identiti, budaya, dan sejarah sesebuah institusi khususnya. Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan juga menjadi tanda penghargaan terhadap kemudahan yang telah disediakan. Kurangnya pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap bangunan akan menyebabkan bangunan mengalami kerosakan serta mengancam keselamatan, keselesaan dan keterlangsungan aktiviti yang dijalankan tergендala. Dalam konteks bangunan Arkib Negara, ketidakpastian penempatan bahagian Arkib Universiti pada peringkat permulaan penubuhan menyebabkan penstrukturran semula Arkib Universiti serta penempatan bangunan baru terhadap Arkib Universiti diletakkan. Merujuk kepada Hilmi (2008), perancangan strategik merupakan suatu kaedah bagi sesebuah organisasi untuk mencapai visi dan misi penubuhan dan kewujudannya. Oleh yang demikian, kesedaran terhadap kepentingan maklumat penubuhan bangunan sebagai suatu warisan dapat menjamin penjagaan sejarah warisan UiTM yang terlibat bagi tujuan rujukan pada masa hadapan. Menurut Wira (2021), rekod bangunan merupakan sumber bukti yang sahih untuk sebarang tindakan, transaksi dan tuntutan sebaik sahaja projek tamat. Pengumpulan dokumen-dokumen penting yang berkaitan amatlah penting bagi tujuan melindungi organisasi dan bangunan daripada dikenakan sebarang tindakan perundangan atau tuntutan.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Setiap kajian memerlukan objektif ataupun tujuan bagi membantu menyelesaikan permasalahan kajian yang timbul dan memerlukan kajian yang lebih mendalam pada masa hadapan. Oleh itu, objektif kajian terhadap penyelidikan ini adalah bertujuan untuk:

- i. Mengkaji sejarah Jabatan Arkib UiTM.
- ii. Mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi Jabatan Arkib UiTM.
- iii. Mengenalpasti dan mengumpul dokumen-dokumen pembangunan dan pembinaan Jabatan Arkib UiTM yang terlibat.

### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Penetapan persoalan kajian dibina selaras dengan objektif yang ingin dicapai pada akhir kajian ini. Terdapat tiga persoalan kajian terhadap Arkib Universiti iaitu;

- i. Apakah sejarah Jabatan Arkib UiTM?
- ii. Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Arkib UiTM?
- iii. Apakah dokumen-dokumen pembangunan dan pembinaan Jabatan Arkib UiTM yang terlibat?

### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Malaysia mempunyai pelbagai keunikan dan keistimewaan bangunan warisan bagi mencirikan setiap identiti bangunan yang dibina. Tidak kurangnya juga bagi institusi khususnya, terdapat pelbagai keunikan dan sejarah tersendiri antaranya Arkib Universiti UiTM. Bagi memastikan warisan ini dikekalkan identitinya, keaslian pembinaan bangunan ini membawa kepada kepentingan

penjagaan identiti semula jadi warisan ini pada keadaan asal semasa penubuhannya. Merujuk Powell (1994) di dalam Mootar (2019) berpendapat bangunan-bangunan bersejarah mempunyai keunikan dan keistimewaan dari segi gaya seni bina, justeru itu proses transformasihanya dilakukan pada sesetengah bahagian sahaja.

Antara sumbangan dan kepentingan kajian ini adalah memperkayakan maklumat berkaitan penubuhan Arkib Universiti ke arah peningkatan kearifan dalam bentuk digital yang mudah diakses oleh individu, institusi, dan masyarakat di luar sana. Disamping penyediaan maklumat yang sahih sebagai rujukan, kajian ini juga berperanan penting dalam menyampaikn maklumat tentang penubuhan dan sejarah Arkib Universiti melalui sumber yang sahih.

Bertitik tolak dengan kenyataan di atas, kepentingan ini membawa positiviti dari segi mengekalkan keaslian sesebuah warisan yang punya nilainya yang tersendiri amatlah penting dari pelbagai aspek. Hal ini dikaitkan dengan peranan Jabatan Arkib Universiti dalam menyimpan dan menyediakan bahan kepada pengguna menggunakan sumber yang tepat justeru memberi sumbangan kepada pengguna terutama dikalangan pelajar, institusi, malah pengguna luar. Dengan wujudnya Arkib Universiti ini, ia dapat memberi maklumat-maklumat yang sukar untuk diperolehi.

Sumbangannya dapat juga dilihat dari segi kesedaran kepada pengguna mahupun masyarakat luar yang tidak arif tentang kewujudan, peranan dan kegunaan arkib dalam menyediakan maklumat dan menyimpan maklumat dengan selamat sebagai bahan rujukan kegunaan pada masa kini mahupun pada masa yang akan datang. Oleh hal yang demikian, amatlah wajar dan menjadi tanggungjawab pengkaji untuk melaksanakan tugas oral dokumentasi ini dengan mengkaji, mengupas dan memberi pendedahan berkaitan kepentingan dan juga sumbangan yang disalurkan oleh warisan sejarah Arkib Universiti.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Secara umumnya, Arkib Universiti memainkan peranan dan menawarkan perkhidmatan yang sama seperti Arkib Negara namun skop Arkib Universiti hanya berfokuskan terhadap aktiviti dan fungsian institusi itu sahaja. Penubuhan Arkib Universiti dapat dilihat sebagai satu usaha sesebuah Institusi Pendidikan dalam memastikan kelancaran operasi harian yang akan membawa kepada perkhidmatan yang efektif dan efisien, dan pencapaian matlamat institusi. Namun, untuk menjayakan inisiatif ini memerlukan penelitian daripada pelbagai perspektif dan aspek. Sejurus, kajian ini dilaksanakan dengan melihat Jabatan Arkib Universiti dari pandangan yang menyeluruh. Oleh hal yang demikian, beberapa kajian lepas telah dirujuk bagi membantu mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan dan menjadi perbincangan terhadap kajian yang dilaksanakan.

Merujuk kepada kajian lepas yang ditulis oleh Nor, S. M. & Hadi, Z. A. (2005), yang membincangkan berkaitan perancangan strategik sesebuah organisasi dengan penggunaan *Balanced Scorecard* (BSC) dapat dijadikan sebagai rujukan kaedah dalam membangunkan perancangan strategik bagi suatu fungsian. Menerusi kajian ini, kaedah BSC disentuh dari pelbagai perspektif iaitu hubungan dengan perancangan strategik, sebagai pengukur prestasi, serta perkaitan dalam sistem pengurusan kolaboratif, sektor awam, dan organisasi. Tambahan pula, merujuk kepada Hilmi (2008), perancangan strategik membantu sesebuah organisasi untuk bersedia dengan persekitaran yang sentiasa berubah. Perkaitan terhadap Arkib Universiti dapat dilihat menerusi situasi yang memerlukan Arkib Universiti untuk bertukar pentadbiran serta penstrukturkan semula. Merujuk kepada peribahasa pula, "Tak ada rotan, akar pun berguna" menggambarkan bahawa pelbagai kaedah yang dapat membantu dalam

menyelesaikan sesuatu masalah ataupun cabaran perlulah dipertimbangkan dan ditelusuri keberkesanannya. Oleh hal yang demikian, bahagian Arkib Universiti juga memerlukan perancangan strategik yang baik agar dapat membantu penyesuaian dalam masa yang singkat kesan pertukaran atau peralihan punca kuasa yang akan menguruskan bahagian tersebut.

Tambahan pula, melalui portal UiTM News Hub, telah didokumentasikan serba sedikit tentang sejarah penubuhan semula Arkib Universiti yang pada awalnya ditubuhkan pada tahun 1982 di bawah bahagian pentadbiran, Pejabat Pendaftar sebagai Unit Arkib. Seterusnya, apabila Arkib Universiti mengalami pengstrukturkan semula yang melibatkan Muzium, pada tahun 2003 yang telah dirasmikan oleh mantan Naib Canselor YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah, Arkib Universiti sebagai Bahagian Arkib dan Muzium. Melangkaui masa dan tahun, akhirnya, pada tahun 2015, Arkib Universiti secara rasminya didaftarkan di bawah naungan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) sehingga ke hari ini. Akibat permasalahan dan kekangan ruang, Arkib Universiti telah dipindahkan ke Dewan Makan Kolej Kenanga sepenuhnya pada tahun 2018 setelah hampir 21 tahun bertapak di Dewan Seri Budiman. Setelah baik pulih kesemuanya selesai, akhirnya Arkib Universiti mula beroperasi sepenuhnya pada tanggal 2 Januari 2019. Dari sini, dapatlah kita memahami konteks ruang juga memainkan peranan yang penting bagi mengekalkan sesebuah bangunan itu kukuh dan bertahan dalam jangka masa yang lama.

Seterusnya, merujuk kepada kajian lepas penulisan Mohamad, M., Don, Y., & Kasa, M. D. (2017) yang membahaskan amalan penambahbaikan kualiti berterusan dalam institusi pendidikan dapat dijadikan rujukan dalam pengekalan dan peningkatan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh Arkib Universiti dari masa ke semasa. Secara umumnya, keberkesanannya sesuatu perkara sama ada pengurusan, kaedah, garis panduan ataupun sistem adalah bergantung kepada penetapan kualiti yang baik. Penetapan dan penjagaan kualiti amatlah penting dalam menjamin keputusan yang positif, meningkatkan prestasi operasi harian serta menjaga reputasi organisasi. Perkaitan terhadap Arkib Universiti dapat dilihat menerusi kesedaran dan kekerapan penggunaan perkhidmatan yang disediakan terhadap warga Organisasi mahupun sasaran pengguna. Seperti yang sedia maklum, Arkib Universiti berperanan dalam menguruskan rekod dan dokumen-dokumen penting, menyokong penyelidikan dan pembelajaran, serta menjaga warisan dan identiti sesebuah institusi pendidikan. Oleh hal yang demikian, penjagaan kualiti terhadap Arkib Universiti perlulah dititikberatkan selaras dengan kepentingan agar dapat menyokong organisasi untuk kekal berdaya saing dan secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan kualiti pendidikan.

Kemudian, kajian ini juga merujuk kepada kajian lepas yang ditulis oleh Hanapi, N. S. A. & Tugang, N. (2021), yang memfokuskan terhadap transformasi bangunan warisan sebagai satu khazanah peninggalan yang berharga. Berdasarkan pemerhatian, didapati bahawa fokus kajian adalah menjurus dengan keperluan konservasi dan naik taraf terhadap bangunan warisan agar dapat bertahan untuk jangka masa yang lama. Tambahan pula, dengan mengamalkan pengurusan yang sistematik melalui penyelenggaraan secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan (Hamilton & Md Ali, 2002) secara langsung dapat memantau keadaan bangunan dan pemerhatian terhadap penambahbaikan pada masa akan datang dapat dilakukan. Menurut Ahmad (2009), bangunan yang tidak diselenggarakan dengan baik dan usang akan memberikan kesan kepada keadaan bangunan itu sendiri dan menjadi faktor kerosakan. Dalam konteks Arkib Universiti, hal ini dapat dikaitkan dengan proses naik taraf dan penyesuaian semula struktur serta ruang-ruang khas bangunan baru Arkib Universiti agar dapat memenuhi keperluan dan menyokong pengoperasian. Oleh hal yang demikian, proses naik

taraf dan pengubahsuaian terhadap Arkib Universiti adalah wajar dilakukan bagi membantu kelancaran pengoperasian.

Selain itu, merujuk kepada garis panduan yang dibangunkan oleh Jabatan Warisan Negara (2012) boleh dijadikan sebagai sumber rujukan yang sahih bagi Jabatan Arkib Universiti terhadap pemuliharaan bangunan sebagai satu warisan institusi. Garis panduan ini membincangkan prinsip dan proses pemuliharaan, pendokumentasian pemuliharaan bangunan, serta panduan yang menyentuh pelbagai aspek bangunan seperti bumbung, dinding, lantai dan sebagainya. Secara umumnya, penjagaan dan pemuliharaan setiap aspek bangunan memainkan peranan dalam meningkatkan tahap kekukuhannya untuk kegunaan jangka masa yang panjang. Wujudnya garis panduan atau prosedur ini merupakan satu kelebihan dan peluang yang perlu diambil oleh sesebuah organisasi. Namun begitu, masih terdapat lagi organisasi yang kurang peka, sambil lewa, dan menganggap penjagaan dan pemuliharaan terhadap bangunan tidak menjamin kelangsungan sesebuah organisasi. Dapat dikaitkan dengan bangunan baharu Arkib Universiti yang bertapak di Kompleks Kenangan, UiTM Shah Alam yang dahulunya merupakan Dewan Makan Kolej dan proses menaik taraf dan penyesuaian bangunan telah dilakukan. Oleh hal yang demikian, konservasi terhadap bangunan Arkib Universiti perlulah dilaksanakan kerana mempunyai nilai sejarah terhadap institusi.

Merujuk juga kepada hasil penulisan tesis Wira, R. B. (2021), membahaskan faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan rekod bangunan kerajaan yang menjurus kepada kajian kes di Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang. Dalam kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa ketersediaan maklumat rekod bangunan yang lengkap dapat memudahkan pihak pengurusan dalam menentukan keadaan bangunan tersebut. Keberlangsungan sesebuah bangunan dari segi keselamatan dan mampu berfungsi pada tahap optimum bergantung kepada pengurusan bangunan terhadap penelitian maklumat yang terdapat di dalam rekod bangunan sepanjang bangunan tersebut digunakan (Wira, 2021). Perkaitan dengan rekod-rekod bangunan Arkib Universiti dapat dilihat melalui rekod bangunan iaitu kertas kerja naik taraf bangunan. Dengan wujudnya rekod-rekod bangunan seperti kertas kerja tersebut dapat dijadikan sebagai rujukan kepada proses naik taraf pada masa hadapan. Aspek-aspek bangunan yang penting dapat di analisis dan diberikan perhatian untuk sebarang penambahbaikan dan pemuliharaan. Selain itu, dengan adanya rekod-rekod bangunan di pelbagai fasa seperti rekabentuk, pembinaan, penyerahan, pendudukan dan sebagainya dapat melindungi organisasi serta bangunan daripada sebarang tindakan undang-undang dikenakan (Wira, 2021). Oleh hal yang demikian, pendokumentasian aktiviti-aktiviti serta keputusan yang dilakukan terhadap bangunan perlulah di rekodkan agar dapat membantu pengurusan yang sistematis.

Di samping itu, merujuk kepada penulisan Jaini, N. A., Yusoff, W. Z. W., Ishak, M. H., & Sulaiman, M. A. (2022) berkaitan penyelenggaraan bangunan dalam pengurusan fasiliti yang melihat kepentingan penyelenggaraan bangunan daripada perspektif lain iaitu berdasarkan elemen yang mempengaruhi kualiti amalan penyelenggaraan bangunan. Menerusi artikel ini, terdapat tujuh elemen yang dipertimbangkan iaitu elemen pengurusan am, pengurusan staf, kewangan, pengurusan kontraktor, teknikal dan teknologi, bangunan dan kesedaran. Pengkaji menyimpulkan bahawa pengurusan tertinggi yang kompeten perlu menyediakan perancangan yang sempurna melibatkan kesemua elemen bagi memastikan amalan penyelenggaraan bangunan dapat dilaksanakan dengan efektif dan sistematis. Dapat dikaitan dengan keperluan perancangan strategik terhadap penyelenggaraan bangunan Arkib Universiti kerana bangunan Arkib Universiti merupakan suatu tempat yang memelihara rekod-rekod penting dan juga sebagai satu warisan bagi universiti. Oleh hal

yang demikian, Arkib Universiti boleh menjadikan elemen-elemen yang mempengaruhi kualiti amalan penyelenggaraan bangunan ini sebagai rujukan secara keseluruhan terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan.

Merujuk kepada penulisan Johar, S., Ahmad, A. G., Che-Ani, A. I., Tawil, N. M., & Usman, I. M. S. (2011) yang menganalisa kecatatan pada bangunan masjid lama di Malaysia sebagai fokus kajian lapangan. Menerusi kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa mengenalpasti dan mengetahui jenis-jenis kecatatan dan kerosakan bangunan adalah proses penting dan asas sebelum memulakan atau mengambil tindakan pemuliharaan terhadap bangunan. Seterusnya, pencegahan awal merupakan perkara penting dalam merendahkan risiko kerosakan dan kegagalan yang lebih teruk (Johar et al, 2011). Perkaitan dapat dilihat menerusi penempatan Arkib Universiti ke bangunan baru dapat dilihat sebagai solusi terhadap pengenalpastian ketidaksesuaian bangunan lama sebagai tempat penyimpanan bahan-bahan arkib. Secara umumnya, keperluan bangunan dan penempatan khas terhadap Arkib Universiti adalah suatu perkara yang penting dan perlu diketengahkan bagi penyimpanan bahan-bahan arkib yang sistematik dan selamat. Namun, perpindahan bangunan bukanlah satu proses yang mudah dan memerlukan pemerhatian terhadap beberapa aspek lain seperti lokasi penempatan, dana bagi penambahbaikan bangunan atau pembinaan, dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, penghasilan dokumen-dokumen terhadap pengenalpastian ketidaksesuaian bangunan perlulah di rekod kan supaya dapat membantu dalam proses-proses yang bakal dilakukan pada masa hadapan.

Kesimpulannya, pencarian maklumat berkaitan Jabatan Arkib Universiti amatlah terhad hasil kekurangan sumber bahan rujukan sama ada dari segi penggunaan OPAC mahupun OFA. Namun begitu, terdapat beberapa penulisan kajian lepas serta bahan-bahan daripada sumber *Internet* telah dirujuk dan dijadikan sebagai maklumat tambahan sepanjang kajian ini berlangsung. Melalui kajian-kajian yang lepas, pengkaji dapat menganalisa dan membuat pemerhatian dari pelbagai aspek bangunan yang perlu dititikberatkan terhadap Arkib Universiti. Selain itu, kajian lepasan ini juga menjadi pengukuh terhadap kepentingan kajian ini dilaksanakan dan menyebarkan kesedaran kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap kepentingan konservasi sesebuah bangunan.

## 7. METODOLOGI

Metodologi kajian bagi mendapatkan maklumat tentang penubuhan Arkib Universiti yang melibatkan beberapa langkah terperinci yang dirancang untuk mengumpulkan data yang berkaitan dengan penubuhan pembangunan ini serta sejarah pembangunan dan mengapa ia dipindahkan. Peneliti telah melakukan tinjauan literatur menyeluruh untuk memahami konteks sejarah, dan sumbangannya daripada Arkib Universiti. Langkah seterusnya adalah penentuan objektif kajian yang jelas, termasuk untuk mengkaji sejarah, kepentingan dan tujuan penubuhan Arkib Universiti, mengenalpasti isu dan cabaran dalam merealisasikan penubuhan Arkib Universiti, dan akhirnya, untuk mengenalpasti dan mengumpul dokumen-dokumen pembangunan dan pembinaan yang terlibat. Setelah itu, peneliti akan menyusun senarai tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan penubuhan serta pemindahan Arkib Universiti seperti pengarah, pengurus ataupun individu yang terlibat dalam penubuhan pembangunan tersebut. Di samping itu juga, peneliti akan mendalamai kaedah konservasi jika terlibat sepanjang bermulanya mahupun setelah pembangunan semula Arkib Universiti tersebut dibangunkan. Menurut Paiman Keromo (2010), konversasi dimaksudkan kepada kerja-kerja baik pulih yang mana cuba memulih semula warisan budaya bangsa terutamanya

monumen atau tapak bersejarah kepada senibina dan bahan-bahan binaan yang sehampir mungkin dengan yang asal semasa mula-mula dibina.

Langkah berikutnya adalah mengatur temu bual dengan kedua-dua tokoh yang berkelayakan dan berpengalaman untuk membincangkan tentang penubuhan Arkib Universiti UiTM. Tokoh merupakan Mantan Timbalan Ketua Pustakawan dan juga pegawai arkib iaitu Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Arkib Universiti. Temu bual ini dilakukan dengan mematuhi prinsip etika penyelidikan, termasuk mendapatkan persetujuan bertulis ataupun secara atas talian (emel) daripada pensyarah mahupun tokoh yang terlibat bagi menjamin maklumat yang bakal diperoleh mengikut prosedur yang betul. Selain daripada itu, temu bual bakal dilaksanakan di lokasi yang sesuai, seperti di Jabatan Arkib Universiti UiTM, atau di tempat yang dipilih oleh responden. Semasa temu bual, peneliti akan mengajukan pertanyaan-pertanyaan yang terperinci mengenai penglibatan responden secara langsung dengan penubuhan Arkib. Hasil dari temu bual akan direkod kemudian diterjemah secara penulisan dengan teliti untuk analisis selanjutnya. Analisis ini akan membantu dalam merumuskan kesimpulan dan interpretasi yang mendalam mengenai pentingnya penubuhan Arkib Universiti kepada pengguna terutama pelajar, universiti malah masyarakat sebagai simbol pembangunan yang bersejarah di Malaysia di masa kini mahupun di masa akan datang. Kesimpulan kajian ini kemudiannya akan dilaporkan dengan terperinci untuk berkongsi hasil dengan komuniti akademik dan masyarakat umum, serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan penubuhan semula Arkib Universiti bagi institusi mahupun yang lainnya.

## **8. HASIL KAJIAN**

### **8.1 Sejarah penubuhan Arkib Universiti**

Hasil daripada kajian, dapatlah dirungkaikan bahawa adalah pentingnya pendokumentasian sesuatu sejarah atau warisan yang membawa kepada rujukan dan bahan bukti sesuatu peristiwa yang perlu dipelihara. Melalui sejarah lisan, penubuhan Arkib Universiti dapat menyumbang kepada pengetahuan umum bagi masyarakat yang kurang arif tentang penubuhan dan nilai sejarah warisan Arkib Universiti. Dari sini, dapatlah kita merungkai sejarah Arkib Universiti yang bermulanya di bawah naungan Jabatan Pendaftar kepada Jabatan Muzium dan Galeri, dan akhirnya, secara muktamad berada di bawah naungan Perpustakaan Tun Abdul Razak. Namun begitu, Jabatan Arkib Negara sentiasa menjadi organisasi yang berpegang teguh kepada Arkib Universiti ini sendiri dari segi skop kerja, proses penyimpanan bahan-bahan, dan sebagainya.

### **8.2 Isu dan cabaran Arkib Universiti**

Hasil kajian ini justeru merungkai isu, masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Arkib Universiti sebelum, semasa, dan juga selepas pemindahan pembangunan kepada lokasi terakhir iaitu yang bertempat di UiTM Shah Alam. Pelbagai inisiatif diambil bagi memastikan perpindahan, pengekalan dan pemulihan Arkib Universiti ini berjalan dengan lancar selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan di bawah akta yang telah termaktub dalam Arkib Negara Malaysia. Antara isu dan cabarannya, kurangnya maklumat bertulis atau secara digital tentang penubuhan arkib di mana-mana *platform* berkaitan isu dan cabaran di atas.

### **8.3 Pengumpulan dokumen-dokumen Arkib Universiti**

Hasil daripada kajian ini membuka mata masyarakat umum tentang pencarian maklumat haruslah datangnya dari sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Dapat dilihat melalui dokumen yang disediakan sebagai bahan bukti dan juga rujukan berkaitan penubuhan Arkib Universiti melalui pendokumentasian sejarah lisan yang telah dijalankan oleh pengkaji. Pelbagai inisiatif diambil dan dirujuk bagi mengekalkan kesinambungan bangunan warisan ini agar dapat memberi manfaat kepada pengguna, masyarakat, dan juga negara.

## **9. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, amatlah penting bagi sesebuah institusi pendidikan secara amnya, mempunyai arkib mereka tersendiri bagi melestarikan sejarah warisan pembangunan. Dapatlah dirungkaikan juga tentang penjagaan, pengekalan serta pemuliharaan sesuatu pembangunan itu amatlah penting bagi masyarakat sebagai bahan rujukan, bukti dan juga sebagai warisan kepada generasi yang akan datang. Lokasi pembangunan juga amatlah patut dititikberatkan bagi memastikan bangunan tersebut dapat berdiri gah buat jangka masa yang panjang. Justeru itu, penerapan tentang kepentingan arkib amatlah penting untuk pengguna agar lebih cakna tentang kepentingan dan sumbangsih pembangunan seperti Arkib Universiti dalam memberi, mengekalkan, dan menyimpan khazanah warisan di negara kita untuk kegunaan pada masa kini dan juga pada masa yang akan datang. Dengan ini diharapkan dapat menerapkan kesedaran kepada pengguna malah masyarakat betapa pentingnya mengekalkan warisan budaya kerana ia mempunyai keunikan dan sejarahnya tersendiri.

**Acknowledgments:** First of all, we would like to say "Alhamdullilah" and all praises to Allah S.W.T. With His guidance and help, we were able to complete this group project despite the challenges we faced throughout the process and were able to submit the report before the submission dateline. Not to forget, we would like to express our gratitude towards Sir Jafalizan Md Jali, our Oral Documentation (IMR604) lecturer for all the time spent consulting and guiding us, as well as the consideration that has been given throughout the entire process. Taking this opportunities, we would also like to thanked our classmates for helping and sharing information with us directly or indirectly.

## RUJUKAN

- Ahmad, D. A. G. (2009). *Treatment of rising damp and replastering at heritage buildings*. Bengkel Bestari 2009 Konservasi Bangunan Warisan Siri 2: Lepaan Kapur.
- Bakri, N. & Mohamed, R. (2008). Keunggulan budaya teknologi dalam memacu kemajuan bangsa. *Jurnal Kemanusiaan*, 11. <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/download/181/174>
- Fielden, B. (1994). *Conservation of Historic Buildings*. Reed Education and Professional Publishing Ltd.
- ForbesQuotes. (2015). *Thoughts on the Business of Life: Benjamin Franklin*. <https://www.forbes.com/quotes/1107/>
- Hamilton, B., & Md Ali, Z. (2002). *BS role in conservation works*. 2nd. National Conference on Building Control, 22-23hb. Januari 2002, Selangor. Hilton Hotel, Petaling Jaya.
- Hanapi, N. S. A. N., & Tugang, N. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 228-235. <https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/881/631>.
- Hilmi, Z. A. G. (2008). Perancangan Strategik: Suatu Keperluan. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/57530/1/57530.PDF>
- Jabatan Warisan Negara. (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. <https://khairulkamarudin.wordpress.com/wp-content/uploads/2013/04/garis panduan-pemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>
- Jaini, N. A., Yusoff, W. Z. W., Ishak, M. H., & Sulaiman, M. A. (2022). Penyelenggaraan Bangunan dalam Pengurusan Fasiliti: Elemen Mempengaruhi Kualiti Amalan Penyelenggaraan Bangunan. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 4(1), 18-26. <https://doi.org/10.30880/jstard.2022.04.02.003>
- Johar, S., Ahmad, A. G., Che-Ani, A. I., Tawil, N. M., & Usman, I. M. S. (2011). Analisa Kajian Lapangan ke atas Kecacatan Pada Bangunan Masjid Lama di Malaysia. *Journal Design and Built*, (2).
- Kamis, A. A. (2012). Pemeliharaan Bandar Taiping Sebagai Bandar Warisan dan Pelancongan di Negeri Perak.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). *Maksud Arkib*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=arkib>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). *Maksud Warisan*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=warisan&cd=175768&>
- Kementerian Komunikasi Malaysia. *Warisan*.
- Nasir, M. a. B. M. (2023, June 19). *Majlis Pelancaran Bangunan Jabatan Arkib Universiti, PTAR UiTM Shah Alam*. UiTM News Hub. <https://news.uitm.edu.my/majlis-pelancaran-bangunan-jabatan-arkib-universiti-ptar-uitm-shah-alam/> [https://www.kkd.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=593:&catid=65&lang=en](https://www.kkd.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=593:&catid=65&lang=en)

- Nor, S. M., & Abd Hadi, Z. (2005). Perancangan strategik organisasi melalui pelaksanaan balanced score card. *Jurnal Pengurusan Awam*, 4(1), 64-76. [https://scholar.archive.org/work/wvkctpsgbffplgbkrfml3nddfm/access/wayback/http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/24190/Articel\\_6.PDF](https://scholar.archive.org/work/wvkctpsgbffplgbkrfml3nddfm/access/wayback/http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/24190/Articel_6.PDF)
- Masrom, Md. A. N. & Kadir, Z. A. (2020). Cabaran Dalam Pemuliharaan Bangunan Istana Lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan. *Management of Technology and Business*, 1(1), 647- 662. <https://doi.org/10.30880/rmtb.2020.01.01.049>
- Mohd Hamizi, M. A. F. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 24-37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vo115.sp.3.2023>
- Mohamad, M. A., Don, Y., & Kasa, M. D. (2017). Amalan penambahbaikan kualiti berterusan dalam institusi pendidikan. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 1077-1082. <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/23089/1/ICERS%2c%201%20%282016%29%201077-1089.pdf>
- Mootar, M. Q. (2010). Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah di George Town, Pulau Pinang. In Universiti Sains Malaysian.
- Othman, S. A. (2023, Disember 28). *Malaysia MADANI: Di Ambang Negara Maju*. Dewan Ekonomi. <https://dewanekonomi.jendeladb.my/2023/12/28/7322/>
- Paiman Keromo (2012). *Garis panduan konservasi monumen dan tapak tanah bersejarah di Malaysia*. Johor Bahru: Muzium Diraja Sultan Abu Bakar Johor
- Robiah, S. & Nor, S. M. (2007). ICT dalam Pendidikan: Prospek dan Cabaran dalam Pembaharuan Pedagogi. *Jurnal Pendidikan*, 32, 139-152.
- Tylor, E. B. (1958). *The Origins of Culture; Part 1 of "Primitive Culture."* New York: Harper Torchbooks.
- Wira, R. B. (2021). Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengurusan Rekod Bangunan Kerajaan: Kajian Kes Di Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang. <http://eprints.utm.my/98264/1/RosmizaWiraMFABU2021.pdf>